

19/07/1997

Desak kaji semula Akta Buruh

KOTA BHARU, Jumaat - MIC mendesak kerajaan mengkaji semula Akta Buruh dan peraturan sedia bagi memastikan kebajikan serta masa depan pekerja terjamin selepas ladang dijual bagi tujuan komersil.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata MIC akan membangkitkan perkara berkenaan dalam Mesyuarat Agungnya pada 3 Ogos ini sebelum mengemukakan usul terbabit kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet.

"MIC berpendapat undang-undang sedia ada perlu dipinda bagi memelihara kebajikan pekerja ladang kerana peraturan yang ada sekarang membuatkan mereka berasa teraniaya.

"Antara lain, pekerja yang dipecat hanya mendapat ganti rugi 22 hari gaji mengikut jangkamasa (tahun) mereka bekerja sedangkan harga ladang adalah berkali-kali ganda tingginya.

"Saya mendapat tahu di Selangor, ada tanah estet yang dijual pada harga RM500,000 hingga RM1 juta seekar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Keempat Perhubungan MIC Kelantan di Pantai Cahaya Bulan dekat sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya berkata, adalah tidak munasabah jika pekerja hanya menerima pampasan kecil apabila ada ladang yang dikatakan dijual pada harga 1,400 kali ganda berbanding harga asal.

Perolehan pampasan berjumlah RM14,000 selepas 35 tahun bekerja adalah tidak memadai bagi pekerja terbabit

Samy Vellu berkata, kira-kira 30 peratus pekerja ladang yang ada sekarang adalah kaum India manakala 30 peratus lagi membabitkan pekerja Bumiputera.

(END)